

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR**

**BIL. 3/2015**

=====

**GARIS PANDUAN URUSAN PEMBATALAN DAN PENGGANTIAN  
TANAH RIZAB MELAYU (TRM) SEMASA PENGAMBILAN TANAH  
BAGI TUJUAN AWAM ATAU KEMUDAHAN AWAM BAGI  
KEGUNAAN KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

---

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berkaitan keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 17/2015** yang diadakan pada 20 Mei 2015 yang telah disahkan oleh **MMKN ke 18/2015 pada 3 Jun 2015** berkaitan Garis Panduan Urusan Pembatalan Dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) Semasa Proses Pengambilan Tanah Bagi Kegunaan Kerajaan Persekutuan Atau Kerajaan Negeri Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Berdasarkan kepada Laporan Ketua Audit Negara Sesi 2 Tahun 2013 (LKAN 2/2013), telah dibangkitkan isu proses penggantian TRM yang dibatalkan adalah tidak memuaskan.

Melalui laporan tersebut, sebahagian besar pembatalan dan penggantian TRM ini adalah disebabkan oleh proses pengambilan tanah bagi tujuan pelaksanaan projek Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

- 2.2 Polisi Kerajaan Negeri Selangor berkaitan pembatalan dan penggantian TRM ini telah pun diperkenalkan melalui keputusan MMKN Ke 26/2001 pada 3 Oktober 2001 yang dikuatkuasakan melalui **Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bil. 7/2001: Dasar Garis Panduan Pembatalan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu Selangor Darul Ehsan.**
  
- 2.3 Bagi menambahbaik polisi sedia ada, Kerajaan Negeri Selangor melalui MMKN Ke 18/2015 pada 3 Jun 2015 telah meluluskan **Prosedur Operasi Standard (SOP) Urusan Pembatalan Dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) Akibat Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Awam Atau Kegunaan Awam Projek-Projek Kerajaan Negeri Dan Persekutuan Di Negeri Selangor Darul Ehsan.**

3. **KAEDAH PELAKSANAAN**

3.1 **PERMOHONAN BATAL/GANTI SERENTAK BERSAMA  
PERMOHONAN PENGAMBILAN TANAH**

3.1.1 PTD hendaklah memastikan Pemohon iaitu Agensi Kerajaan/Badan/Orang yang memohon pengambilan tanah bagi suatu projek **mengemukakan serentak** permohonan batal/ganti TRM bersama-sama dengan permohonan pengambilan tanah. Butiran dan cara permohonan adalah seperti berikut:

(a) Bagi permohonan di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960, Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pengambilan tanah dan dinyatakan kawasan TRM yang terlibat **bersekali dengan kawasan cadangan kawasan ganti** kepada TRM yang hendak dibatal;

(b) Bagi permohonan di bawah Seksyen 8, APT 1960, Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pengambilan tanah dan **dinyatakan kawasan TRM yang terlibat bersekali dengan kawasan ganti kepada TRM yang hendak dibatal dengan lengkap**;

(c) PTD juga hendaklah menyatakan no. fail rujukan/maklumat pembatalan dan penggantian TRM di dalam Kertas Ringkasan Pengambilan Tanah yang akan diangkat ke YAB Dato' Menteri Besar (bagi pengambilan dibawah seksyen 3(1)(a) APT 1960) dan MMKN (bagi pengambilan dibawah seksyen 3(1)(b) APT 1960) bagi tujuan kelulusan;

### **3.2 CIRI-CIRI TANAH BAGI TUJUAN PENGGANTIAN TRM**

3.2.1 Berdasarkan peruntukan di bawah Perkara 89(3) Perlembagaan Persekutuan, :

*“... jika mana-mana tanah terhenti menjadi tanah rizab orang Melayu, mana-mana tanah lain yang serupa jenisnya '(similar in character)' dengan tanah itu dan seluas tidak lebih daripada luas tanah itu hendaklah dengan serta-merta diisytiharkan sebagai tanah rizab orang Melayu”.*

3.2.2 Oleh yang demikian, kriteria tanah untuk penggantian TRM yang telah/akan dibatalkan adalah ditetapkan seperti berikut :-

(a) Tanah gantian berkeluasan sama dengan keluasan TRM yang akan dibatalkan;

- (b) Tanah gantian tidak mengambil kira jenis tanah sama ada pekan, bandar dan desa;
- (c) Tanah gantian tidak mengambil kira guna tanah pertanian;
- (d) Tanah gantian tidak mengambil kira kawasan (*zoning*) perumahan/kediaman dan industri yang belum diberimilik;
- (e) Tanah gantian boleh terdiri daripada Tanah Kerajaan yang hendak dilupuskan kepada perbadanan, syarikat atau orang perseorangan yang bersesuaian;
- (f) Tanah-tanah atau tanah hak milik Kerajaan Persekutuan (jika bersesuaian);
- (g) Tanah milik yang telah luput tempoh pajakan dan telah menjadi Tanah Kerajaan;
- (h) Tanah-tanah yang boleh digantikan dari daerah yang berlainan dalam Negeri Selangor (jika bersesuaian);
- (i) Tanah gantian yang dibuat pengambilan bagi tujuan penggantian TRM yang kosnya ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

### 3.3 PERMOHONAN PEMBATALAN DAN PENGGANTIAN

3.3.1 PTD hendaklah memastikan Pemohon iaitu Agensi Kerajaan/Badan/Orang yang memohon pengambilan tanah bagi suatu projek mengemukakan permohonan secara rasmi ke PTD bagi tujuan pembatalan dan penggantian Tanah Rizab Melayu berkenaan dengan mengemukakan beberapa dokumen sokongan seperti berikut:

- (a) Surat permohonan secara rasmi (salinan kepada Jabatan berkaitan);
- (b) Pelan Pra-Hitungan (*pre-comp*)/Pelan Akui (PA) bagi kawasan yang hendak dibatalkan;
- (c) Pelan Pra-Hitungan (*pre-comp*)/Pelan Akui (PA) bagi kawasan penggantian;
- (d) Salinan Warta Rizab Melayu berkaitan;
- (e) Carian Rasmi hakmilik tanah-tanah yang akan digantikan sebagai TRM.

### **3.4 TINDAKAN PENTADBIR TANAH DAERAH**

3.4.1 Setelah menerima permohonan secara rasmi, PTD hendaklah melakukan semakan ke atas permohonan tersebut dan mengambil tindakan selanjutnya seperti berikut:

- (a) Mendaftar dan membuka fail permohonan pembatalan dan penggantian;
- (b) Menyediakan Laporan Pelukis Pelan;
- (c) Menyediakan Laporan Tanah;
- (d) Menyediakan Kertas Ringkasan PTD berserta ulasan Pengarah Tanah Dan Galian untuk diangkat ke MMKN untuk kelulusan;
- (e) Menghantar Kertas Ringkasan pembatalan dan penggantian berserta cabutan keputusan/kelulusan MMKN ke Pengarah Tanah Dan Galian (Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal/Bahagian Perundangan).

### **3.5 TINDAKAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN**

3.5.1 Setelah menerima fail daripada PTD berkaitan permohonan pembatalan dan penggantian, tindakan seterusnya adalah seperti berikut:

- (a) Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal membuat catatan bagi tujuan rekod/pemantauan;
- (b) Menyerahkan ke Bahagian Perundangan untuk mengambil tindakan berikut:
  - (i) Membuka fail dan rekod;
  - (ii) Menyediakan draf warta;
  - (iii) Mengemukakan draf warta kepada Penasihat Undang-undang Negeri bagi tujuan semakan;
  - (iv) Draf warta yang telah disemak akan dikemukakan ke pertimbangan YAB Dato' Menteri Besar Selangor untuk kelulusan;



- (v) Draf warta yang telah diluluskan dan ditandatangani akan dikemukakan kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) bagi tujuan pewartaan;
- (vi) Fail permohonan dikembalikan kepada PTD beserta sesalinan Warta Kerajaan Kerajaan Negeri bagi tujuan penyediaan pelan warta dari JUPEM dan rekod.


#### 4. PEMAKAIAN DAN TARIKH BERKUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling ini hendaklah dipatuhi oleh semua PTD dan berkuat kuasa mulai **20 Mei 2015**.



**DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA**  
Pengarah Tanah Dan Galian,  
Negeri Selangor Darul Ehsan.  
Bertarikh : **21 Ogos 2015**.

**CARTA ALIR PROSES KERJA PEMBATALAN DAN PENGGANTIAN RIZAB MELAYU**



Agensi kemukakan serentak bersama permohonan pengambilan tanah


Penolong Pegawai Tanah membuat laporan

Pentadbir Tanah menyediakan kertas ringkasan untuk diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri

Pengarah Negeri menyediakan kertas ringkasan untuk diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri (MMKN)

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mempertimbangkan permohonan

CARTA ALIR PROSES KERJA PEMBATALAN DAN PENGGANTIAN RIZAB MELAYU



PTGS menyediakan draf warta dan Plan untuk diangkat ke YAB Dato' Menteri Besar

YAB Dato' Menteri Besar menandatangani Draft Warta

Hantar Draft Warta bersih ke Percetakan Nasional (M) Berhad (PNMB) untuk diwartakan

Muka surat 2/2

**CARTA ALIR PROSES KERJA PENGAMBILAN TANAH YANG TERLIBAT DENGAN RIZAB MELAYU**

